

Dakwaan 15 anak kucing mati akibat direndam tidak tepat - Polis

Disember 1, 2023 @ 3:32pm



Persatuan Haiwan Malaysia (MMA) menawarkan ganjaran RM5,000 kepada mereka memberi maklumat tepat dan lengkap berkaitan kematian 15 anak kucing yang didakwa direndam hingga mati di Pasar Borong Jerantut, Pahang. - Foto tangkap layar FB Persatuan Haiwan Malaysia

KUANTAN: Dakwaan punca kematian 15 anak kucing di Pasar Borong Jerantut, dekat sini akibat direndam adalah tidak tepat.

Ketua Polis Daerah Jerantut, Superintendan Azman Mat Kamis, berkata siasatan lanjut sedang dijalankan pihaknya, justeru meminta orang ramai menghentikan spekulasi berhubung kes itu.

"Polis juga masih mengesan pelakunya dan orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian itu diminta tampil membantu siasatan," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan.

Sebelum ini tular di media sosial 15 anak kucing ditemukan mati pada Rabu lalu dipercayai direndam air.

Media sebelum ini melaporkan, Persatuan Haiwan Malaysia (MMA) menawarkan ganjaran RM5,000 kepada mereka memberi maklumat tepat dan lengkap berkaitan kematian 15 anak kucing yang didakwa direndam hingga mati di Pasar Borong Jerantut, Pahang.

Dalam kenyataan di Facebook, persatuan itu memohon kerjasama masyarakat bagi membantu menjejaki pihak yang tidak bertanggungjawab yang bertindak kejam membunuh haiwan malang itu.

Menurut kenyataan itu, kejadian disedari kelmarin (Rabu) oleh seorang pengadu yang juga penduduk berdekatan di Jerantut dan diserahkan kepada Persatuan Haiwan Malaysia kira-kira jam 8 malam.

Satu laporan polis dibuat di Balai Polis Jerantut semalam.

"Tawaran ganjaran sebanyak RM5,000 kepada sesiapa sahaja yang berjaya merungkai kezaliman pembunuhan 15 anak kucing malang ini bagi menuntut keadilan supaya mengekang kejadian lebih buruk berulang pada masa akan datang.

"Saksi sama ada sahabat handai, kaum keluarga dan kenalan yang tahu individu mahupun kumpulan yang sengaja merendam semua anak kucing di Pasar Borong Jerantut hingga mati boleh hubungi Malaysia Animal Crime Transparency - MyAct di www.wasap.my/+60105394749.

"Persatuan Haiwan Malaysia memberi jaminan kerahsiaan maklumat saksi utama yang berjaya merungkai kes jenayah ini supaya dapat diadili di mahkamah dan pelaku menerima hukuman setimpal dengan kekejaman dilakukannya," katanya. - BERNAMA